

**SEJARAH KESULTANAN MELAYU BRUNEI DARI
ABAD KE-16 HINGGA ABAD KE-19: ERA
KEBANGKITAN DAN ERA KEMEROSOTAN**



MOHD ASYRAF BIN HAMDAN

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAN DAN SAINS
SOSIAL UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

**SEJARAH KESULTANAN MELAYU BRUNEI DARI
ABAD KE-16 HINGGA ABAD KE-19: ERA
KEBANGKITAN DAN ERA KEMEROSOTAN**



MOHD ASYRAF BIN HAMDAN

UMS

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DISEDIAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH SARJANA
MUDA**

**FAKULTI KEMANUSIAN DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH 2022**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

TAJUK : SEJARAH KESULTANAN MELAYU BRUNEI DARI ABAD KE-16 HINGGA ABAD KE-19: ERA KEBANGKITAN DAN ERA KEMEROSOTAN

IJAZAH : SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN

BIDANG : SEJARAH

Saya **MOHD ASYRAF BIN HAMDAN**, Sesi **2021-2022**, mengaku membenarkan Latihan Ilmiah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

/

TIDAK TERHAD

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh,

MohdAsyraf

MOHD ASYRAF BIN HAMDAN
BA19110819

AR **ANITA BINTI ARSAD**
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)

Amrullah Marainig
AMRULLAH MARAINING
Pensyarah
Program Sejarah
Fakulti Kemanusiaan, Seni & Warisan
Universiti Malaysia Sabah

Tarikh : 11 OGOS 2022

(EN. AMRULLAH MARAINING)
Penyelia Utama

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

11 Ogos 2022

MohdAsyraf

MOHD ASYRAF BIN
HAMDAN

BA19110819



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN


NAMA : MOHD ASYRAF BIN HAMDAN
NO. MATRIK : BA19110819
TAJUK : SEJARAH KESULTANAN MELAYU BRUNEI DARI ABAD
KE-16 HINGGA ABAD KE-19: ERA KEBANGKITAN DAN
ERA KEMEROSOTAN
IJAZAH : SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN
BIDANG : SEJARAH
TARIKH VIVA : 11 OGOS 2022



DISAHKAN OLEH;

TANDATANGAN

1. **PENYELIA UTAMA**
EN. AMRULLAH MARAINING


AMRULLAH MARAINING
Pensyarah
Program Sejarah
Fakulti Kemanusiaan, Seni & Warisan
Universiti Malaysia Sabah

2. **PENYELIA BERSAMA**
-

PENGHARGAAN

Segala puji ke atas hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah dan kurniahnya telah membolehkan saya menyiapkan tesis ini dengan sebaiknya mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Bahkan sekalung penghargaan serta ribuan terima kasih juga saya ingin ucapkan kepada penyelia saya iaitu En. Amrullah Maraining atas bimbingan, bantuan, nasihat dan tunjuk ajarnya yang sangat membantu dalam membolehkan saya menyiapkan tesis ini. Pada masa yang sama juga, ucapan terima kasih juga ingin diutarakan kepada Universiti Malaysia Sabah serta pensyarah-pensyarah dibawah program Sejarah dan Sains sosial atas tunjuk ajar mereka sepanjang pengajian saya. Akhir sekali saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga saya serta rakan-rakan di bawah program HA24 Sejarah kerana telah serba sedikit memberikan nasihat dan semangat kepada saya untuk menyiapkan tesis ini.

Sekian, terima kasih.


Mohd Asyraf Bin Hamdan
BA19110819

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

11 Ogos 2022

ABSTRAK

sejarah kesultanan Melayu Brunei merupakan salah satu peristiwa sejarah yang unik dan kaya dengan salasilah Sultan-Sultanya, perkembangan kerajaanya, corak dan norma masyarakatnya serta corak dan perkembangan pentabirannya. Oleh hal yang demikian dalam penulisan kajian ini, ia akan mengrunkaikan apakah faktor-faktor yang telah dimainkan oleh Sultan kelima, iaitu Sultan Bolkiah dan Sultan kesembilan, iaitu Sultan Muhammad Hassan sehingga membolehkan kerajaan dibawah pimpinan mereka bangkit sebagai sebuah empayar yang kuat. Dalam hal ini ia akan ditumpuhkan pada aspek politik, ekonomi dan juga sosial. Selain merungkaikan faktor kebangkitan, penulisan ini juga akan cuba memperlihatkan faktor-faktor yang mendorong kepada kemerosotan kerajaan Kesultanan Melayu Brunei, Yang dimana pada hal ini ia akan dibahagikan kepada dua iaitu faktor dalaman serta faktor luaran. Bagi faktor dalaman ia akan memberikan fokus kepada pertelingkahan yang berlaku diantara golongan istana termasuklah seperti Sultan dan para pembesarnya, manakala bagi faktor luaran pula ia akan memberikan fokus bagaimana pihak luar iaitu British telah memainkan peranan dalam merosotkan Kerajaan kesultanan Melayu Brunei di rantau Kepulauan Borneo (Borneo Utara (sabah) dan Sarawak).

Kata Kunci : Kesultanan Brunei, Kebangkitan dan Kemerosotan.

ABSTRACT

(HISTORY OF THE MALAY SULTANATE OF BRUNEI FROM THE 16TH CENTURY TO THE 19TH CENTURY: AN ERA OF RISE AND DECLINE)

The History of The Malay Sultanate of Brunei is one of unique and vast historical events that includes; the lineage of its Sultanate, the developments of its kingdom, the norms of its society, and as well as how its administration developed. Therefor in this study, it will be focusing on how the Malay Sultanate of Brunei develop into a prosperous kingdom under the reign of their Sultans, namely Sultan Bolkiah which is the fifth Sultan and the ninth Sultans which is Sultan Muhammad Hassan. In these matters, it will be divided into political, economical and social aspects. Besides that, this study will also be focusing on factors that leads to the decline of this kingdom, in which it will be divide into two factors namely, internal factors dan external factors. For internal factors it will be focusing on the dispute between the members on The Malay Sultanate of Brunei, while the external factors will be focusing on external parties, namely the British and how they execute their roles in undermining the Malay Sultanate of Brunei in the Borneo island that also include North Borneo and Sarawak.

Keywords : The Malay Sultanate of Brunei, the rise and decline.



SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	I
PENGAKUAN	II
PENGESAHAN	III
PENGHARGAAN	IV
ABSTRAK	V
ABSTRACT	VI
SENARAI KANDUNGAN	VII-X
SENARAI RAJAH	XI
SENARAI PETA	XII
SENARAI SINGKATAN	XIII



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

	Halaman
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan kajian	3
1.3 Persoalan kajian	3
1.4 Objektif kajian	4
1.5 Sorotan kajian	4
1.6 Skop kajian	22
1.6.1 Skop Tema	22
1.6.2 Batasan Kajian	22
1.7 Kepentingan kajian	23

1.8	Kaedah kajian	23
	1.8.1 Kaedah perpustakaan	23
	1.8.2 Kaedah analisis Data	24
1.9	Pembahagian bab	24
1.10	Kesimpulan	25


BAB 2 KESULTANAN MELAYU BRUNEI DI BAWAH PEMERINTAHAN

SULTAN BOLKIAH DAN SULTAN MUHAMMAD HASSAN

2.1	Pengenalan	27
2.2	Latar Belakang Sultan Bolkiah	27
2.3	Sumbangan Sultan Bolkiah	28
	2.3.1 Politik	28
	2.3.2 Perluasan wilayah Naungan	29
	2.3.3 Hubungan diplomatik dengan Kerajaan lain	31
2.4	Ekonomi	33
	2.4.1 Perkembangan Kuasa Perdagangan Brunei	33
	2.4.2 Kemakmuran Ekonomi	34
2.5	Sosial	35
	2.5.1 Penyebaran Agama Islam	36
	2.5.2 Kepimpinan Islam	37
2.6	Kemangkatan Sultan Bolkiah	39
2.7	Latar Belakang Sultan Muhammad Hassan	40
2.8	Sumbangan Sultan Muhammad Hassan	40
	2.8.1 Politik	41

2.8.2	Menstruktur semula jentera Pentadbiran	41
2.8.3	Memperkenalkan Hukum Kanun Brunei	45
2.9	Ekonomi	46
2.9.1	Menyusun Semula sistem Perdagangan	46
2.9.2	sistem pemilikan tanah	47
2.10	Sosial	49
2.10.1	Menyebarkan Islam	49
2.11	Kemangkatan Sultan Muhammad Hassan	50
 BAB 3 ERA KEMEROSOTAN KESULTANAN MELAYU BRUNEI		
3.1	Pengenalan	52
3.2	Faktor-faktor dalaman kemerosotan Kesultanan Melayu Brunei	52
3.2.1	Krisis Pemerintahan	53
3.2.2	Perbalahan di antara keluarga Diraja	56
3.2.3	Perang Chermin	58
3.2.4	Perbalahan berterusan	63
3.2.5	Kehilangan banyak Wilayah	67
3.2.6	Ketandusan Kepimpinan	69
3.2.7	Kegagalan membendung pemberontakan	71
 BAB 4 KESULTANAN MELAYU BRUNEI DAN PERLUASAN KUASA BRITISH		
4.1	Pengenalan	74
4.2	Kedatangan awal British di Kepulauan Borneo (Borneo)	74

Utara dan Sarawak)		
4.3	Faktor-faktor Luar Kemerosotan Kesultanan Melayu	76
	Brunei	
4.3.1	Dasar Campur tangan British	76
4.3.2	Peranan James Brooke	79
4.3.3	Dasar imperialisme	82
4.3.4	Penubuhan Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBUB)	83
4.3.5	Perjanjian tahun 1888	88
4.3.6	Peranan Charles Brooke	89
BAB 5 KESIMPULAN		
5.1	Pengenalan	92
5.2	Kesimpulan	92
RUJUKAN		98



SENARAI RAJAH

		HALAMAN
Rajah1.0	Makan Sultan kelima, Sultan Bolkih yang terletak di Kota Batu, Bandar Seri Begawan, Brunei	40
Rajah1.1	Rajah yang menunjukkan jadual dengan skop kerja manteri-manteri agama semasa pemerintahan Sultan Muhammad Hassan	43
Rajah1.2	Makam Sultan kesembilan Brunei, Sultan Muhammad Hassan	51
Rajah1.3	Rajah aliran bidang kuasa anggota istana dalam Kesultanan Melayu Brunei	71



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI PETA

		HALAMAN
Rajah1.4	Peta Borneo Utara yang dibahagikan kepada Sembilan residensi	87
Rajah1.5	Peta Penguasaan British terhadap keseluruhan Kepulauan Borneo (Borneo Utara dan Sarawak)	91



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

- Ag** - Awang
Dr - Doktor
Hj - Haji
SHTI - Syarikat Hindia Timur Inggris
SBUB - Syarikat Berpiagam Borneo Utara British



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pengenalan

Kerajaan Kesultanan Melayu Brunei merupakan antara kerajaan Melayu Monarki tertua di Asia Tenggara dan kewujudannya dapat dikesan seawall abad ke-7.¹ Sama sepertimana Kerajaan Melayu Monarki yang lain di Asia Tenggara, Kerajaan Melayu Brunei juga pada awalnya berpegangan kepada unsur animisme dan Hinduisme.² Sedangkan ajaran Islam hanya mula bertapak di kerajaan ini setelah ia mengadakan hubungan perdagangan dengan negara-negara Islam seperti negara-negara Arab.³

Pada masa yang sama juga, salasilah kewujudan Kerajaan Kesultanan Melayu Brunei juga dipercayai dapat dikesan melalui pertaliannya dengan kerajaan China. Perkembangan ini dibuktikan dengan perjumpaan peninggalan-peninggalan Sejarah di China seperti skrip-skrip lama yang dimana kandungannya menyiratkan bahawa terdapat hubungan yang sah diantara kerajaan Melayu Brunei dan Kerajaan China. Misalnya hal ini dapat dilihat melalui Perjanjian Taiping Huanyuji yang di mana perjanjian ini merupakan satu perjanjian diplomatic di antara kerajaan Brunei dengan China.⁴ Bahkan dalam skrip-skrip lama ini juga kerajaan Melayu Brunei digelar ataupun dinyatakan sebagai Boni.

¹ Bilcher Bala dan Baszely Bee Basrah Bee, *Et.al*, Pengaruh Kesultanan Melayu Brunei Kepada Masyarakat Sabah Siri 1, Utusan Borneo, 2008, Hlm. 1.

² *Ibid*, Hlm. 5.

³ *Ibid*.

⁴ *Ibid*, Hlm 1.

Di samping itu, kewujudan Kerajaan Melayu Brunei juga dapat dikesan melalui penerangan ataupun penceritaan karya-karya sarjana Barat yang terdahulu.⁵ Misalnya perkara ini dibuktikan dengan penulisan Antonio Pigafetta yang merupakan seorang pelayar Itali yang terkenal, yang dimana dalam karya beliau, Antonio Pigafetta telah menyatakan kekaguman beliau terhadap Kesultanan Melayu Brunei dan mengagungkan kerajaan ini sebagai kerajaan Melayu yang terawal untuk mempunyai sistem pentadbiran yang sistematik.⁶

Sehubungan dengan itu, disebabkan tiadanya wujud kerajaan Monarki yang lain yang mampu menandingi Kerajaan Kesultanan Melayu Brunei di Borneo (Sarawak dan Borneo Utara), telah membolehkannya bangkit sebagai sebuah kerajaan yang megah. Bahkan Kesultanan Melayu Brunei mencapai era kebangkitan semasa zaman Sultan Bolkiah. Hal ini dapat dilihat apabila baginda telah memperkenalkan pelbagai dasar baru bukan sahaja di Brunei sendiri tetapi juga wilayah-wilayah naungannya. Perkembangan ini telah membolehkan Sultan Bolkiah mampu mempertahankan dan memperluaskan Pengaruh dan kekuasaannya. Misalnya antara pembaharuan yang baginda buat adalah seperti menyusun dan mengemas kini semula pemerintahan negara tetapi juga berjaya menguasai beberapa wilayah di Borneo Utara. Khususnya bahagian pantai barat dan pantai timur Borneo Utara. Khususnya dari Kimanis, Benoni hinggalah ke Mumiang. Hal ini secara tidak langsung telah membolehkan Kerajaan Kesultanan Melayu Brunei mempertahankan Kegemilangannya memandangkan tidak terdapat begitu banyak persaingan semasa era pemerintahan beliau.

Walaupun bagaimanapun kemegahan Kesultanan Melayu Brunei tidaklah berkekalan begitu lama memandangkan sekitar abad ke- 14 hingga ke-16, mereka telah mengalami krisis kepimpinan dan perkembangan ini serba sedikit telah melemahkan pentadbiran Kesultanan Melayu Brunei. Situasi ini telah membuka ruang kepada British dalam meluaskan pengaruh mereka bukan sahaja dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Brunei itu sendiri tetapi juga wilayah-wilayah naungannya seperti Borneo Utara dan Sarawak. Perkembangan ini telah menyebabkan Pentadbiran Kesultanan Melayu Brunei telah didominasi oleh British dan hal ini menanda kemerosotannya era kegemilangan.

⁵ Dg. Junaidah Awang Jambol, Hubungan Tradisi Brunei dengan Borneo Utara: Tinjauan Terhadap Faktor Kemerosotan Pentadbiran Kesultanan Brunei Pada Abad ke-19, *Jurnal Borneo Arkhilogia*, 3(2), 105-131, 2018, Hlm. 107.

⁶ *Ibid*

1.2 Permasalahan Kajian

Apabila melihat kajian mengenai sejarah Kesultanan Melayu Brunei, sering terpapar sebuah kerajaan Melayu yang masyhur bukan sahaja dari segi ekonomi, politik dan sosial tetapi juga kewibawaan pemimpin-pemimpinnya. Kebolehan kerajaan ini untuk bangkit sebagai sebuah kerajaan yang masyhur telah mendakap minta para pengkaji untuk mengkaji apakah faktor-faktor yang mendorong kebangkitan tersebut. Perkembangan ini telah menyebabkan pengkaji yang mengkaji Kesultanan Melayu Brunei lebih melihat faktor-faktor umum yang mendorong kepada kebangkitan tersebut berbanding dengan tokoh-tokoh yang merealisasikan faktor tersebut. Misalnya hal ini dapat dilihat pada penulisan Graham Saunders yang berjudul "*A History of Brunei*" yang dimana karyanya tersebut lebih didominasi dengan faktor umum kebangkitan kerajaan Melayu Brunei. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilaksanakan bagi melihat tokoh-tokoh yang menjadi pendorong kepada kebangkitan tersebut.

Bahkan, isu yang sama juga dihadapi apabila melihat kajian mengenai kemerosotan Kesultanan Melayu Brunei, yang di mana majoriti pengkaji hanya meletakkan pihak British sebagai punca utama yang mendorong kemerosotan tersebut. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi melihat bukan sahaja faktor luaran tetapi juga faktor dalaman yang menyebabkan kemerosotan Kesultanan Melayu Brunei. Dengan itu, bagi faktor luaran pengkaji akan memfokuskan kepada perluasan pengaruh Brooke di Sarawak dan SBUB di Borneo Utara manakala bagi faktor dalaman pengkaji akan berfokuskan kepada permasalahan dalam istana.

1.3 Persoalan Kajian

Dalam kajian yang dijalankan ini, terdapat beberapa persoalan yang ingin dirungkaikan oleh pengkaji. Antaranya :-

- a) Adakah sumbangan yang dilaksanakan oleh Sultan Bolkiah dan Sultan Muhammad Hassan berjaya dalam mendorong kebangkitan Kerajaan Kesultanan Melayu Brunei ?.
- b) Bagaimanakah faktor dalaman menjadi punca kemerosotan Kerajaan Kesultanan Melayu Brunei ?.

- c) Sejauhmanakah penglibatan British telah mendorong kepada kemerosotan Kerajaan Kesultanan Melayu Brunei ?.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif tersebut:

- a) Meneliti latar belakang kebangkitan Kerajaan Kesultanan Melayu Brunei pada era pemerintahan Sultan Bolkiah dan Sultan Muhammad Hassan.
- b) Melihat sejauhmanakah faktor dalaman menjadi punca kepada kemerosotan Kesultanan Melayu Brunei.
- c) Mengkaji faktor luaran yang menyebabkan kemerosotan Kerajaan Kesultanan Melayu Brunei.

1.5 Sorotan Kajian

Sepertimana yang dibincangkan sebelum ini, apabila membincangkan mengenai sejarah Kesultanan Melayu Brunei, banyak golongan penyelidik dan para akademik hanya gemar dalam mengajinya dalam bidang linguistik dan antropologi sahaja berbanding dengan bidang sejarah.⁷ Oleh hal yang demikian tidaklah begitu mengejutkan apabila kebanyakan kajian sejarah dalam bidang ini lebih bersifat umum berbanding bidang kajian yang lain. Meskipun begitu pengkaji masih berjaya dalam memperolehi sorotan-sorotan yang diperlukan dalam mengembangkan kajian.

Sehubungan dengan itu, kebanyakan penulisan yang membincangkan salasilah Sultan ataupun sumbangannya kepada kerajaan Kesultanan Melayu Brunei adalah tidak menyeluruh dan sering tertumpu kepada satu tema sahaja seperti politik, ekonomi ataupun Sosial. Oleh itu, dalam mengembangkan tema ini pengkaji telah merujuk karya-karya yang berlain yang mempunyai kaitan dengan sumbangan dan salasilah sultan Brunei. misalnya seperti karya, Dg. Junaidah Awang Jambol (2018), Mohd Jamil Al-Sufri (2002) dan Bilcher Bala dan Bazsely Bee Basrah Bee, *Et.al*, (2008).⁸ Walaupun pada dasarnya fokus utama

⁷ Stepanus Djuweng. "Tradisi Lisan Dayak dan Modernisasi Refleksi Metodologis Penelitian Sosial Positif dan Penelitian Partisipatoris", dalam Pudentia M.P.S.S., Metodologi Kajian Tradisi Lisan, Jakarta: Asosiasi Tradisi Lisan (ATL), 2008, Hlm. 171.

karya-karya ini bukanlah kepada sultan dan Sumbangannya, namun ia masih membincangkan isu-isu yang relevan terhadap tema ini. Misalnya karya Dg. Junaidah Awang Jambol (2018), yang dimana penulisan ia telah membincangkan silsilah kerajaan Kesultanan Melayu Brunei secara ringkas dan diikuti corak pemerintahannya sekitar abad ke-15 hingga ke-19 secara ringkas. Selain menyentuh mengenai silsilah kerajaan Kesultanan Melayu Brunei, penulisan ini juga bertindak dalam membincangkan mengenai faktor-faktor yang mendorong kepada kemerosotan Kerajaan Kesultanan Melayu Brunei, yang di mana dalam hal ini penulisan ini juga telah membahagikannya kepada dua kategori iaitu faktor dalaman yang menumpuhkan perhatian kepada para Sultan dan faktor luaran yang menumpuhkan kepada British khususnya James Brooke di Sarawak dan Syarikat Hindia Timur Inggris (SHTI) di Borneo Utara. Meskipun begitu faktor luaran dalam penulisan ini dibincangkan secara ringkas sahaja. Oleh itu, penulisan ini sememangnya merupakan rujukan yang tidak kurang penting kepada pengkaji, terutamanya dalam mengembangkan bab kedua dalam kajian ini.

Begitu juga dengan karya Bilcher Bala dan Bazsely Bee Basrah Bee, Et,al, (2008). Penulisan ini juga merupakan rujukan yang penting kepada pengkaji, terutamanya dalam membincangkan tentang sejarah awal kerajaan Kesultanan Melayu Brunei. walaupun fokus utama penulisan ini bukan kepada isu yang berkaitan dengan tajuk utama kajian ini, namun ia masih mempunyai informasi-informasi penting dan berkaitan. terutama dalam perkembangan ajaran islam dalam kerajaan Kesultanan Brunei, Yang dimana penulisan juga telah menyentuh sumbangan Sultan Bolkiah dalam penyebaran awal agama Islam di Brunei dan Borneo Utara. Oleh itu, penulisan ini juga merupakan rujukan yang penting kepada pengkaji kerana ia serba sedikit membantu dalam mengembangkan tema kebangkitan Kesultanan Melayu Brunei sebagai sebuah kerajaan yang mekar.

Sedangkan dalam karya Mohd Jamil Al-Sufri (2002), juga merupakan satu penulisan yang amat berguna sebagai rujukan pengkaji. Hal ini dikatakan demikian kerana, penulisan merupakan sebuah kajian yang membincangkan mengenai zaman kebangkitan Kesultanan Melayu Brunei sebagai sebuah kerajaan yang masyhur. Misalnya disini penulisan ini memberikan penerangan yang jelas terhadap kebangkitan Kesultanan Melayu Brunei sebagai kuasa yang kuat di Kepulauan Borneo. Yang di mana kebangkitan tersebut adalah

⁸ Dg. Junaidah Awang Jambol, Hubungan Tradisi Brunei dengan Borneo Utara: Tinjauan Terhadap Faktor Kemerosotan Pentadbiran Kesultanan Brunei pada abad ke-19, *Jurnal Borneo Arkhilogia*, 3(2), 105-131, 2018; Mohd Jamil Al-Sufri, *Tarsilah Brunei II Zaman Kegemilangan dan Kemasyuran*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2002; Bilcher Bala dan Bazsely Bee Basrah Bee, Et.al. *Pengaruh Kesultanan Brunei Kepada Masyarakat Sabah Siri 1*, Utusan Borneo, 2008.

hasil daripada kewibawaan dan kebijaksanaan Sultan-Sultan dan para Pembesarnya seperti Sultan Bolkiah yang bukan sahaja telah memperluaskan lagi kuasa Kerajaannya ke rantau-rantau yang lain tetapi juga mengukuhkan kedudukan kerajaannya melalui penyebaran ajaran Islam. Bahkan dalam penulisan ini, ia juga menkankan bahawa kebangkitan ini mempunyai kaitan dengan kepimpinan Islam yang dibawa oleh Sultan seperti Sultan Muhammad Hassan yang bukan sahaja telah menstrukturkan semula pentadbiran agar ia lebih berlandaskan ajaran Islam dan syiar Islam, tetapi juga telah mewujudkan sistem perundangan yang sah bagi kerajaannya buat kali pertama dalam sejarah.

Selain itu, Pengkaji juga merujuk penulisan Mohd Jamil Al-Sufri (1971).⁹ Penulisan ini juga merupakan rujukan yang penting bagi pengkaji terutamanya dalam mengenal pasti sumbangan-sumbangan yang telah diberikan oleh bukan sahaja Sultan-sultan Brunei, tetapi juga para pembesarnya. Misalnya dalam penulisan ini ia memberikan penekanan kepada sumbangan Sultan-Sultan dan pembesar pada sejarah awal Kesultanan Melayu Brunei seperti semasa pemerintahan Sultan Bolkiah, yang di mana disebabkan oleh kebijaksanaan Baginda serta pembesarnya telah membolehkan Kesultanan Brunei meluaskan pengaruhnya tanpa melaksanakan sebarang kekerasan ataupun pertumpahan darah.

Sehubungan dengan itu, Pengkaji juga telah merujuk penulisan Mohd Jamil Al-Sufri (1994).¹⁰ Penulisan ini juga merupakan rujukan yang penting terutamanya dalam merungkaikan pensejarahan Kesultanan Brunei dari segi politik dan pentadbiran. Berdasarkan penulisan ini, suasana pentadbiran dan politik Kesultanan Melayu Brunei pada fasal awal (abad ke-15 hingga ke-17) berada dalam keadaan yang agak stabil berbanding dengan Sultan-Sultan Brunei yang memerintah selepas abad ke-17. Walaupun begitu, penulisan juga menekankan bahawa walau pada abad ke-15 hingga ke-17 dikira sebagai zaman kegemilangan, hal ini tidak bermakna pentadbiran Kesultanan kukuh. Hal ini dibuktikan semasa pemerintahan Saiful Rijal, yang di mana pada pemerintahan Baginda berlakunya Perang Saudara pertama Brunei yang dikenali sebagai, Perang Kastilah. Walaupun pada dasarnya Brunei telah boleh mengatasi masalah tersebut, namun ia

⁹ Mohd Jamil Al-Sufri (a), *Chatatan Sejarah Perwira² dan pembesar² Brunei*, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971.

¹⁰ Mohd Jamil Al-Sufri (b), Brunei di Tengah-tengah Nusantara, dalam Haji Muhammad Bin Awang Abdul Latif, Haji Hashim bin Haji Mohd. Noor, Haji Rosli bin Haji Ampal (eds.), *Brunei di Tengah-Tengah Nusantara: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei*, Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Brunei Darussalam, 1994.

menjadi kepada duri dalam daging yang akan memberikan kesan kepada Sultan-Sultan yang seterusnya.

Tambahan Pula, Pengkaji juga bertindak dalam merujuk penulisan Dg. Junaidah Awang Jambol (2012).¹¹ Penulisan ini merupakan sebuah kajian yang merangkumi pensejarah yang berkaitan dengan masyarakat Melayu Brunei yang berada di kawasan pantai barat Borneo Utara diantara tahun 1881 hingga 1963. Penulisan ini juga memberikan keutamaan kepada perkembangan pentadbiran dan politik di Borneo Utara pada zaman Kesultanan Brunei hinggalah ke zaman kolonial British serta kesan perubahan ini kepada masyarakat Melayu Brunei di Pantai Barat Borneo Utara. Bahkan penulisan ini juga ada menyentuh berkaitan perkembangan sosioekonomi masyarakat ini semasa zaman Kesultanan Brunei dan juga semasa colonial British.

Selain itu Pengkaji juga turut merujuk penulisan Bilcer Bala (2005).¹² Penulisan ini juga merupakan kajian lengkap yang berkaitan dengan Pensejarahan awal Kesultanan Brunei, terutamanya dalam membincangkan penyebaran agama Islam bukan sahaja di Brunei sendiri tetapi juga wilayah-wilayah naungan yang berada di bawah kekuasaannya. Bahkan dalam penulisan ini juga ia membincangkan mengenai zaman kebangkitan Kesultanan Brunei sekitar dekad ke-15 dan dekad ke-16, yang di mana dalam hal ini, penulisan ini memberikan kepada ibu kota Brunei waktu itu, iaitu Koa Batu. Berdasarkan penulisan ini ibu kota Brunei memainkan peranan yang penting dalam zaman kebangkitan Kesultanan Brunei terutamanya dalam perkembangannya sebagai sebuah pusat perdagangan yang masyhur di kepulauan Borneo (Borneo Utara dan Sarawak).

Seterusnya, Pengkaji juga bertindak dalam merujuk Penulisan Wan Ariffin Wan Yon (2005).¹³ Penulisan ini merupakan kajian yang merangkumi sejarah Kesultanan Brunei dalam pelbagai lensa politik dan pentadbiran. Berdasarkan penulisan ini Kesultanan Melayu Brunei sepertimana Kesultanan Melayu yang lain sebelum kedatangan Islam, ia melaksanakan pentadbiran berasaskan kepercayaan nenek moyang. Perkembangan ajaran Islam hanyalah pesat di Kerajaan Brunei seawall abad Ke-10, iaitu apabila Sultannya memeluk agama Islam. Selain membincangkan mengenai pentadbiran Kerajaan

¹¹ Dg, Junaidah Awang Jambol (a), *Sejarah Masyarakat Melayu Brunei di Kawasan Pantai Barat Borneo Utara (1881-1963)*, Master Thesis, Universiti Malaysia Sabah, 2012.

¹² Bilcher Bala, *Thalassocracy: A History of The Medieval Sultanate of Brunei Darussalam*, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2005.

¹³ Wan Ariffin Wan Yon, *Kesultanan Melayu Brunei: Kemunculan, Perkembangan dan Pertembungan dengan Peradaban Asing*, Masters thesis, Universiti Malaya, 2005.

Kesultanan Brunei, penulisan ini juga membincangkan isu berkaitan dengan perkembangan hubungan Kesultanan Brunei daripada abad ke-10 hinggalah pertengahan abad ke-18. Malahan dalam penulisan ini juga terdapat sedikit perbincangan mengenai sumbangan-sumbangan Sultan Brunei sehinggalah membolehkannya bangkit sebagai sebuah kuasa dan kerajaan yang kuat dan masyhur. Dengan itu, penulisan ini juga penting kepada pengkaji lebih-lebih lagi dalam mengenalpasti sumbangan-sumbangan serta faktor yang membolehkan Kesultanan Melayu Brunei bangkit sebagai sebuah kerajaan yang kuat dan gagah.

Pengkaji juga merujuk penulisan Pengiran Dr. Haji Mohammad (1999) juga dirujuk oleh pengkaji.¹⁴ Bagi penulisan Dr. Haji Mohammad pula, ia merupakan sebuah penulisan yang amat penting terutamanya dalam memperlihatkan sumbangan-sumbangan Sultan-Sultan Brunei terhadap pentadbiran Islam di Negaranya. Yang dimana dalam penulisan ini, ia memberikan penerangan yang jelas mengenai sumbangan-sumbangan yang diberikan oleh Sultan-Sultan Seperti Sultan Bolkiah (1485-1524), Sultan Muhammad Hassan (1582-1598) dan Sultan-Sultan yang lain dalam perkembangan Islam di Negara mereka. Yang dimana dalam membincangkan hal kebangkitan, penulisan ini berpendapat ianya adalah hasil daripada kepimpinan Sultan-Sultan tersebut yang melandaskan pemerintahan mereka berdasarkan ajaran Islam dan Syiar Islam. Bahkan selain itu, Penulisan ini juga membincangkan mengenai faktor kemerosotan Kesultanan Melayu Brunei sebagai sebuah kerajaan yang mekar. Di sini penulisan tersebut cuba mengaitkan kemerosotan kuasa Kesultanan Melayu Brunei melalui tiga faktor iaitu, yang pertama adalah disebabkan kemerosotan kewibawaan pemimpin-pemimpin dan pembesar Istana, kemalapan ataupun perkembangan Islam yang terbantut dan isu campur tangan kuasa asing terutamanya kuasa Barat.

Selain itu, dalam tema ini juga pengkaji juga telah bertindak dalam merujuk karya-karya seperti Abdul Karim bin Abdul Rahman (2016).¹⁵ Pengkaji menggunakan karya ini terutamanya dalam mengenal pasti salasilah dan juga serba sedikit sumbangan yang telah diberikan oleh sultan Bolkiah dan Sultan Muhammad Hassan dalam pelbagai bidang. Bahkan dalam hal ini juga, pengkaji juga telah merujuk karya-karya seperti Hajah Saadiah

¹⁴ Pengiran Dr. Haji Mohammad, Kepimpinan Islam Mengikut Pengalaman Negara Brunei Darussalam, *Seminar on Regional Muslim Leadership*, Universiti Malaya, 14-15 Jun 1999, 1999.

¹⁵ Abdul Karim bin Abdul Rahman, *Sejarah Pengasasan dan Asal Usul Kerajaan Brunei Berdasarkan Sumber Lisan*, Master Thesis, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2016.

DDW Hj Tamit (2006) dan Sweeney (1968).¹⁶ Yang dimana kedua-dua karya tersebut telah menyentuh sumbangan sultan-sultan Brunei dalam mengerak ataupun mengimplementasi pentadbiran yang berunsurkan Islam.

Sehubungan dengan itu, pengkaji juga bertindak dalam mengkaji penulisan-penulisan seperti Antonio Pigaffeta (1969) serta Blair & Robertson (1973).¹⁷ Yang dimana kedua-dua penulisan tersebut mempunyai catatan-catatan berkaitan dengan kekuatan dan kemasyuran kesultanan Brunei pimpinan Sultan-sultan Brunei seperti Sultan Bolkiah. Bahkan ingin juga ditekankan bahawa penulis Antonio Pigaffeta juga merupakan sumber yang sangat penting kepada pengkaji terutamanya dalam merujuk catatan-catatan ataupun informasi yang lengkap berkaitan dengan keadaan Kesultanan Melayu Brunei semasa zaman Keemasannya.

Pada masa yang sama juga pengkaji juga bertindak dalam merujuk penulisan Ruliyadi dan Ma'ruf Misbah (2011), Anthony Reid (1992) serta Kerajaan Negeri Brunei Darussalam (1984)¹⁸, yang dimana penulisan ini juga menjadi sumber rujukan yang penting bagi pengkaji terutamanya dalam melihat sumbangan Sultan Bolkiah dalam bidang politik sehinggalah membolehkan Kesultanan Melayu Brunei muncul sebagai sebuah kuasa penakluk yang hebat. Bahkan melalui penulisan ini juga bagi juga telah mendapat serba sedikit sumbangan Sultan Muhammad Hassan dalam bidang ekonomi, khususnya dalam hal ehwal percukaian. Selain itu, pengkaji juga bertindak dalam merujuk penulisan Pusat Sejarah Brunei (2015) dan State of Brunei (1958).¹⁹ Penulisan ini merupakan penulisan yang dirujuk oleh pengkaji dalam melihat serba sedikit informasi dan peninggalan-peninggalan Sultan-Sultan Brunei kepada Negara mereka. Tambahan pula, pengkaji juga bertindak dalam merujuk karya PM Yusuf (1975), H. R. Hughes-Hallet (1940), Abdol Rauh

¹⁶ Hajah Saadiah DDW Hj Tamit, Pentadbiran Undang-undang Islam di Negara Brunei Darussalam Pada Zaman British, dalam *Seminar Sejarah Brunei III : 100 Tahun Hubungan Brunei-Great Britain (1906-2006) Sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke 22*, 8-9hb March, Dewan Persidangan 2, Brunei, 2006; P. L. A., Sweeney (ed.), *Silsilah Raja-Raja Barunai, Journal Of The Malayan Branch Of Royal Asiatic Society, XLI, Pt. 2*.

¹⁷ Antonio Pigafetta, *Frist Voyage Around The World*, Manila: Filipiniana Book Guild, 1969; Blair, E.H. & Robertson, J. A. (ed), *The Philippine Islands, 1493-1898*, Manila: Chachos Hermanos Ins., 1973.

¹⁸ Ruliyadi & Ma'ruf Misbah, H. M., *Brunei Darrussalam di Bawah Kepemimpinan Sultan Bolkiah V (1485-1524)*, UIN Syarif Hidayatullah Jakarta: Fakultas Adab dan Humaniora, 2011; Anthony Reid, *Asia Tenggara Dalam Kurun Niaga 1450-1680*, Yayasan Obor: Jakarta, 1992; Kerajaan Negeri Brunei Darussalam, *Brunei Berdaulat*, (Singapore: Federal Publications Pte Ltd, 1984).

¹⁹ Pusat Sejarah Brunei, *Sejarah Sultan-Sultan Brunei*, Bandar Seri Begawan: Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, 2015; State of Brunei, *Annual Report*, 1958.